



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,  
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4  
62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 03 – 8000 8000  
Faks: 03 – 8891 5557  
Laman Web: [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Emel: [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)  
Twitter: [www.twitter.com/kpkt\\_gov](http://www.twitter.com/kpkt_gov)  
Facebook: [www.facebook.com/KPKTMalaysia](http://www.facebook.com/KPKTMalaysia)

---

Rujukan kami: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (166)

Tarikh : 24 September 2016

### **SIARAN MEDIA**

Memupuk *Sense of Belonging* warga Flat Desa Keluarga Kg Fitri

**Kemaman 24 September 2016** – YB Dato Sri Ahmad Shabery, Ahli Parlimen Kemaman Cheek merasmikan Majlis Pelancaran Program Transformasi Sosial (PTS) Flat Desa Keluarga Kg Fitri pada pagi ini. Pelancaran ini merangkumi pelancaran Program Rakan Taman, Program MyBomba JPP, Program Kitar Semula (3R), Program Bandar Selamat dan Program COMBI.

2. Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Landskap Negara (JLN) menganjurkan Program Transformasi Sosial (PTS) Kg Fikri menganjurkan ini bagi melahirkan *sense of belonging* dan menggalakkan penglibatan penduduk bersama Majlis Perbandaran Kemaman (MPK) dalam menjaga dan menyelenggara kawasan perumahan ini secara berterusan.

3. Pelbagai aktiviti telah diatitkan selama 2 hari ini (23 & 24 September 2016) yang memupuk kerjasama antara warga Flat Desa Keluarga Kg Fitri dan MPK dalam aktiviti oleh Jabatan dan agensi di bawah KPKT bersama pelbagai agensi Persekutuan dan negeri.

4. Kemuncak PTS ini ialah penyampaian Anugerah *Community Leaders* dan cenderahati oleh YB Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek, Ahli Parlimen Kemaman dan Pembacaan Ikrar oleh penduduk Flat Desa Keluarga Kg. Fikri. Pembacaan ikrar ini adalah langkah pertama ke arah mewujudkan *sense of belonging* ini.

5. Pada pagi ini juga diadakan Demonstrasi Pencegahan Kebakaran oleh Bomba Komuniti, gimik Kempen 1 Rumah 1 Pemadam Api oleh JBPM, aktiviti kitar semula bersama penduduk di Pusat Pengumpulan Kitar Semula, lawatan ke kebun komuniti dan lawatan VVIP ke tapak khemah pameran agensi.

6. Pada semalamnya, 23 September telah diadakan aktiviti gotong-royong, pameran agensi & 'Mobile CTC' NSU (*Community Transformation Centre, National Strategy Unit*), pertandingan futsal, bola jaring, mewarna, senamrobik, gubahan bunga dan cabutan bertuah.

7. Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melaksanakan 5 komponen utama Program Transformasi Sosial iaitu :

- a) **Program Bandar Selamat** untuk mengurangkan jenayah melalui aktiviti *omnipresence* dan rondaan keselamatan oleh PDRM dan AMANITA. AMANITA (anggota polis wanita) sedang menarik suri

rumah menjadi 'mata dan telinga' bagi pihak polis untuk menyalurkan maklumat kes jenayah yang berlaku.

- b) **Program MyBomba JPP** untuk memupuk kesedaran keselamatan kebakaran dan sebagai penyampai maklumat kecemasan kepada JBPM. Saya berharap tuan-tuan dan puan-puan dapat membantu menjaga pili bomba, menangani kes-kes kebakaran kecil dan sebagai agen penggerak dalam mewujudkan komuniti yang mempunyai kesedaran tinggi terhadap budaya keselamatan kebakaran.
- c) **Program Rakan Taman** untuk memupuk semangat kesukarelawanan dan dijadikan amalan menjaga, memelihara, menyelenggara dan mengawasi taman yang telah dinaik taraf. Sambil beriadah setiap hari penduduk juga boleh mengawasi keadaan taman dan menjaga kebersihannya. Sekali sekala penduduk boleh bergotong-royong memperbaiki kerosakan kecil atau melakukan apa yang patut untuk meningkatkan keceriaannya. Kebun Komuniti (*Community Garden*) pula merupakan aktiviti penanaman dan penjagaan tanaman makanan oleh komuniti setempat di dalam kawasan/tapak yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk tujuan pengeluaran sayur-sayuran segar dan untuk mengurangkan kos sara hidup. Kebun komuniti ini dapat menyediakan peluang kolektif untuk komuniti setempat berkebun sambil rekreasi dan juga menghasilkan pengeluaran makanan untuk diri mereka sendiri dan keluarga mereka. Di samping dapat memanfaatkan ruang dari terbiar, komuniti boleh menjalankan aktiviti bercucuk tanam bagi kegunaan sendiri mahupun boleh dijadikan sumber pendapatan sampingan.
- d) **Komuniti Kitar Semula 3R** (*reduce, reuse dan recycle*) melalui peraturan pengasingan sisa pepejal di punca yang telah dilancarkan pada 1 September 2015 yang lalu merupakan plan strategik jangka panjang KPKT untuk mewujudkan sebuah pengurusan sisa pepejal yang mampan. Selain itu, ia juga dapat membantu pihak Kerajaan untuk mencapai sasaran kadar kitar semula kebangsaan sebanyak 22% menjelang tahun 2020. Amalan pengasingan sisa pepejal di punca merupakan tanggungjawab kita terhadap negara dan generasi akan datang.

Aktiviti kitar semula ini juga boleh membantu menambah sumber pendapatan isi rumah sekiranya barangan kitar semula yang dikumpulkan tadi dijual kepada pusat-pusat kitar semula. Surat khabar, kertas, kotak, logam, botol plastik dan kaca, semua yang diasingkan daripada sampah basah dan kotor seperti sisa dapur, sisa makanan, lampin dan sebagainya bukan sahaja bernilai malah dapat membantu pihak kerajaan dalam mengurangkan jumlah sisa yang dilupuskan di tapak pelupusan.

- e) Program **Communication for Behavioural Impact (COMBI)** atau **Komunikasi Untuk Perubahan Tingkah Laku** bertujuan melibatkan komuniti dalam aktiviti-aktiviti memerangi nyamuk aedes. Ahli COMBI akan membuat pemeriksaan secara berkala bagi membantu kerajaan

di dalam memantau dan mengawasi kawasan perumahan mereka sentiasa bersih dan bebas dari tempat pembiakan nyamuk aedes.

6. Di samping itu, KPKT juga bekerjasama dengan Jabatan Pembangunan Wanita untuk menggerakkan **Komuniti Perwani 1 Malaysia (PERWANI)**. PERWANI melaksanakan pelbagai aktiviti kemasyarakatan yang memberi manfaat kepada komuniti dan pembangunan kapasiti wanita

7. Pelaksanaan Program Transformasi Sosial di Flat Desa Keluarga Kg Fikri, Kemaman Terengganu ini dijayakan oleh KPKT melalui Jabatan Landskap Negara (JLN) dengan kerjasama jabatan dan agensi di bawah KPKT serta agensi persekutuan dan negeri dan Majlis Perbandaran Kemaman selaku tuan rumah.

8. Majlis pada pagi ini diserikan dengan kehadiran pegawai kanan KPKT, kerajaan Negeri Terengganu, Kerajaan Pusat, pemimpin tempatan dan penduduk setempat.

---

*Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Tan Sri Noh Bin Haji Omar. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semananjung Malaysia; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Landskap Negara; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat*

*b.p. Ketua Setiausaha*

*Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan*

*Telefon : 03-8891 5555*

*Faks : 03-8891 5557*

*E-mel : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)*